



SOALAN LAZIM

BANTUAN BAYARAN PEMBIAYAAN BERSASAR (BBPB) BAGI PELANGGAN YANG TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19

Berikut pengumuman oleh Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini, BBPB disediakan kepada pelanggan di bawah kategori berikut iaitu:

- (i) Individu dan usahawan mikro (sepertimana yang ditakrifkan oleh SME Corp) dikalangan golongan B40; dan
- (ii) Individu dikalangan golongan M40

NO.	SOALAN	JAWAPAN
BBPB UNTUK KATEGORI B40		
1	Siapakah yang layak untuk memohon BBPB di bawah kategori B40?	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan individu golongan B40 yang: <ul style="list-style-type: none"> (a) Merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) / Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan mendaftar dalam pangkalan data BSH/BPR (b) Berpendapatan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) Jumlah pendapatan bulanan isi rumah RM4,000.00 dan ke bawah (ii) Pendapatan bulanan individu (bujang) RM2,000.00 dan ke bawah • Usahawan mikro golongan B40: <ul style="list-style-type: none"> (a) Dengan jumlah pembiayaan diluluskan sehingga RM150,000.00; (b) Perolehan jualan tahunan pelanggan kurang daripada RM300,000.00; dan (c) Mempunyai kurang daripada lima (5) orang pekerja sepenuh masa • Pelanggan individu di mana pelanggan bersama (co-customer)/ pasangan suami/isteri merupakan penerima BSH/BPR • Pasangan yang telah berkahwin yang mempunyai pembiayaan dengan pihak Agrobank • Pelanggan yang menarik diri dari moratorium automatik pada Mac 2020 • Pelanggan yang telah menerima BBPB sebelum ini tetapi masih tidak mampu membuat bayaran
2	Apakah pakej yang ditawarkan di bawah BBPB?	<ul style="list-style-type: none"> • Pilihan 1: Menangguhkan bayaran ansuran bulanan pembiayaan selama tiga (3) bulan; atau • Pilihan 2: Mengurangkan bayaran ansuran bulanan pembiayaan sehingga 50% selama enam (6) bulan
3	Berapa lamakah tempoh ketersediaan BBPB dan bagaimanakah cara untuk memohon BBPB?	<ul style="list-style-type: none"> • BBPB akan disediakan untuk pelanggan yang layak bermula 23/11/2020 sehingga 30/06/2021 • Permohonan untuk BBPB boleh dibuat menerusi saluran komunikasi rasmi kami iaitu: <ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan dalam talian di pautan www.agrobank.com.my/bbb 2. Menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476 3. Mengunjungi cawangan yang berdekatan • BBPB ini akan disediakan untuk ansuran bermula pada 01/12/2020 dan seterusnya

4	Sekiranya pelanggan mempunyai dua (2) kemudahan pembiayaan mikro berjumlah kurang daripada RM150,000.00, adakah pelanggan boleh memohon BBPB bagi kedua-dua kemudahan tersebut?	<ul style="list-style-type: none"> • Ya. Kedua-dua kemudahan layak untuk BBPB. • Ilustrasi ringkas adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Sekiranya pelanggan mempunyai dua (2) kemudahan bernilai RM100,000.00 setiap satu, kedua-dua kemudahan adalah layak di bawah BBPB, selagi mana jumlah kelulusan kemudahan tidak melebihi RM150,000.00 bagi setiap kemudahan - Sekiranya pelanggan mempunyai tiga (3) kemudahan iaitu MUS1M-i dengan kelulusan RM50,000.00, Tawaruq 3F - RM200,000.00 dan SRF - RM160,000.00, pelanggan hanya layak untuk memohon BBPB untuk pembiayaan MUS1M-i sahaja
5	Adakah pelanggan yang membuat pemotongan gaji bulanan, melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), layak untuk BBPB?	Ya. Layak sekiranya pelanggan menepati kelayakan seperti mana Soalan 1.
6	Adakah terdapat pakej lain yang ditawarkan oleh Agrobank di bawah BBPB selain dari pilihan yang dinyatakan dalam soalan 2?	Ya. Pelanggan digalakkan untuk mengunjungi cawangan terdekat untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut.

BBPB UNTUK KATEGORI M40

7	Siapakah yang layak untuk memohon BBPB di bawah kategori M40?	<ul style="list-style-type: none"> • Individu/isi rumah M40 yang berdaftar dalam pangkalan data Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan pendapatan isi rumah mereka telah berkurang akibat pandemik. • Pelanggan individu dengan pendapatan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Jumlah pendapatan bulanan isi rumah RM4,001.00 ke RM8,000.00 2. Pendapatan bulanan individu (bujang) RM2,001.00 ke RM4,000.00
8	Apakah dokumen yang perlu dikemukakan bagi tujuan permohonan untuk BBPB?	Pelanggan perlu mengemukakan surat pengakuan diri.

LAIN-LAIN SOALAN UMUM BERKAITAN BBPB

9	Adakah pelanggan masih boleh memohon untuk BBPB sekiranya beliau tidak berdaftar dengan pangkalan data BSH/BPR?	Boleh dan pengesahan adalah melalui pembiayaan sedia ada pelanggan dengan Agrobank serta surat pengisyiharan diri.
10	Jika pelanggan memenuhi kriteria kumpulan sasar di atas, apakah syarat untuk menyertai BBPB ini?	Pembiayaan sedia da pelanggan di Agrobank mestilah tidak mempunyai baki tunggakan melebihi 90 hari atau pembiayaan baharu yang telah diluluskan pada atau sebelum 30 September 2020 .
11	Apakah jenis produk pembiayaan yang layak untuk BBPB?	Semua jenis produk pembiayaan yang ditawarkan oleh Agrobank.

12	Apakah yang akan berlaku jika pelanggan memilih untuk menyertai BBPB ini?	Sila ambil maklum bahawa: 1. Jumlah pembiayaan, ansuran bulanan, kadar keuntungan bank dan / atau tempoh pembiayaan sedia ada mungkin akan berubah 2. Keuntungan boleh dicaj ke atas pelanggan sepanjang tempoh BBPB 3. Sekiranya berkenaan, perjanjian baharu perlu ditandatangani oleh Pelanggan
13	Sekiranya pelanggan berminat untuk memohon BBPB, adakah terdapat sebarang kos atau caj yang terlibat?	Tiada.
14	Adakah rekod CCRIS pelanggan akan terjejas dengan menyertai BBPB?	Tidak. Sebarang permohonan Bantuan Bayaran Pembiayaan Bersasar (BBPB) oleh pelanggan tidak akan dipaparkan dalam rekod CCRIS pelanggan bagi permohonan yang diterima sebelum 30 Jun 2021 .
15	Berapa lama tempoh pemprosesan yang akan diambil oleh pihak Agrobank?	<ul style="list-style-type: none"> • Kategori B40: Cawangan dijangka untuk memaklumkan keputusan permohonan pelanggan dalam masa 24 jam • Kategori M40: Cawangan dijangka untuk memaklumkan keputusan permohonan kepada pelanggan dalam masa lima (5) hari bekerja
16	Adakah saya perlu memaklumkan majikan/BPA tentang permohonan saya di bawah BBPB ini?	<p>Anda tidak perlu memaklumkan kepada majikan/BPA kerana pemotongan gaji akan diteruskan seperti biasa. Agrobank akan mengembalikan secara bulanan jumlah penuh atau sebahagian jumlah wang yang telah dipotong mengikut pilihan yang telah dibuat oleh pelanggan.</p> <p>1. Pilihan 1: Penangguhan bayaran ansuran bulanan selama tiga (3) bulan 2. Pilihan 2: Pengurangan bayaran ansuran bulanan sebanyak 50% selama enam (6) bulan.</p>
17	Bilakah Agrobank akan menghentikan pemotongan gaji pelanggan di BPA?	Pihak Agrobank akan menghentikan potongan gaji pelanggan pada bulan ketiga dari tarikh permohonan berkuat kuasa.
18	Bilakah saya akan menerima pemulangan bayaran dari Agrobank?	Pihak Agrobank akan mengembalikan jumlah wang yang dipotong (tertakluk kepada pilihan yang dibuat oleh pelanggan) setelah menerima bayaran dari pihak BPA.

11 Februari 2021